

UMS tandatangan Lol bersama Institut Teknologi, Kolej Fukushima

UB 15.4.2017 #6

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan Institut Teknologi, Kolej Fukushima, Jepun menandatangani satu surat niat (LoI), baru-baru ini, bagi mengukuhkan lagi kerjasama, koordinasi dan perkongsian maklumat di dalam bidang kelestarian.

Majlis menandatangani LoI itu menyaksikan UMS diwakili Pengarah Pusat

Pengurusan EcoCampus Prof Madya Dr How Siew Eng, manakala Kolej Fukushima diwakili Presidennya Takayuki Nakamura.

Majlis itu yang diadakan bertempat di Makmal Hotel, Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan, UMS turut disaksikan bekas Pengarah Pusat Pengurusan EcoCampus yang pertama Dr Awangku Hassanal Bahar Pengiran Bagul



HOW (dua dari kiri) dan Nakamura (dua dari kanan) menandatangani Lol sambil diperhatikan oleh Hassanal (kiri) dan Akiko (dua kanan).



DARI kiri: Hassanal, How, Nakamura dan Akiko.

dan pensyarah Kolej Fukushima Prof Madya Dr Akiko Kato.

Terdahulu, How berkatasurat niat itu merupakan satu langkah penting dalam meningkatkan tahap koordinasi kelestarian dan kerjasama di antara UMS dan Kolej Fukushima.

Katanya beberapa kerjasama

telah digariskan untuk manfaat kedua-dua organisasi merangkumi kerjasama dalam projek pendidikan, latihan, seminar, bengkel, persidangan dan pertukaran pelajar kakitangan serta aktiviti lain yang berkaitan.

K e r j a s a m a i n i

membolehkan pihak UMS berkongsi pengalaman bersama Institut Teknologi, Kolej Fukushima terutama pengalaman mereka ketika dalam proses pemulihan bencana dari tsunami dan kemalangan nuklear pada tahun 2011," katanya.